

Persepsi terhadap Risiko Urusniaga E-Dagang dalam kalangan usahawan PKS Mikro di Malaysia

Mohd Remie Mohd Johan*

Md Azalanshah Md Syed

Hamed Mohd Adnan

University of Malaya, Malaysia

*Emel Perhubungan: remiejohan@yahoo.com

Abstrak

Urusniaga berteraskan rangkaian komputer atau e-dagang, terutamanya aktiviti membeli-belah telah berkembang pesat dalam persekitaran pemasaran global dan ianya telah menarik perhatian orang ramai untuk mengurus niaga melalui platform media sosial seperti Facebook & Instagram. Fenomena ini telah membuka ruang kepada peniaga yang baharu bermula, terutamanya pengusaha mikro perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk menjalankan dan meningkatkan aktiviti perniagaan mereka secara dalam talian kerana ia adalah bentuk pemasaran yang murah, terutamanya untuk pengiklanan dan penjenamaan. Walau bagaimanapun, media sosial dan persekitaran membeli-belah dalam talian mempunyai risiko tertentu untuk usahawan PKS. Jangkaan terhadap risiko dalam kalangan penggiat PKS menjadi keutamaan dalam proses membuat keputusan untuk terlibat dengan platform membeli-belah secara dalam talian dan berteraskan media sosial. Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk melihat kesedaran pengusaha mikro PKS terhadap jangkaan khusus risiko berkenaan. Selain itu, kajian ini bertujuan melihat kesan jangkaan risiko itu terhadap pilihan pengguna, risiko tanpa penghantaran, transaksi kewangan dan risiko keselamatan dalam persekitaran e-dagang dan media sosial dalam kalangan penggiat mikro PKS di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan pilihan pengguna, risiko tanpa penghantaran, transaksi kewangan dan risiko keselamatan memberi kesan yang signifikan kepada penggunaan platform media sosial dan e-dagang dalam kalangan pengusaha mikro PKS tempatan. Kajian ini penting untuk memberi panduan kepada pengusaha PKS Malaysia untuk menggunakan strategi pengurangan risiko dalam urus niaga berteraskan media sosial.

Kata Kunci: Media Sosial, E-dagang, Jangkaan Risiko, Pilihan Pengguna, Risiko tanpa Penghantaran, Transaksi Kewangan, Risiko Keselamatan.